

**PENGAPLIKASIAN KONSEP PENYELESAIAN MASALAH BERASASKAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM AMALAN PENGAJARAN
GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KEDAH**

Mohd Syaubari Bin Othman

syaubari@gmail.com

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) menerusi kaedah penyelesaian masalah berasaskan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kajian secara kualitatif di Negeri Kedah yang melibatkan temu bual dan pemerhatian bersama dua orang guru pendidikan Islam (GPI). Kaedah penyelesaian masalah diteliti berfokuskan empat tahap pemeringkatan mengikut teori George Polya iaitu memahami masalah, merancang strategi, melaksanakan strategi dan menyemak semula. Hasil temu bual ditadbir urus dengan program Atlas Ti versi 8 untuk menghasilkan tema dan jadual matrik berkaitan amalan pengajaran berdasarkan konsep penyelesaian masalah. Dapatan kajian memperlihatkan terdapat kewujudan kesamaan pendekatan yang disarankan oleh George Polya dengan kaedah yang digunakan oleh kedua-dua guru pendidikan Islam tersebut. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan di dalam corak penyelesaian masalah mengikut aras keupayaan pelajar. Kedua-dua GPI menyedari kepentingan menggunakan pendekatan penyelesaian masalah bersumberkan maklumat kefahaman pelajar terhadap isi dan konsep pelajaran. Pendekatan penyelesaian masalah ini diintegrasikan dengan komponen di dalam KBAT iaitu menganalisis, menilai dan menjana idea terhadap isi kandungan Pendidikan Islam. Jalinan keupayaan penyelesaian masalah bermatlamat melahirkan pelajar yang dapat membentuk pemikiran secara kreatif dan kritis. Keseluruhan daripada kajian ini menunjukkan kepentingan untuk guru menggunakan pendekatan penyelesaian masalah di dalam membentuk dan menepati kehendak pengajaran yang berteraskan KBAT

Kata kunci : KBAT, kaedah penyelesaian masalah, amalan pengajaran

1.0 PENGENALAN

Menurut (Anderson, 2002; Brookhart, 2012) menyatakan pelaksanaan pengajaran perlu menerusi asas kemahiran berfikir untuk membolehkan manusia melihat pelbagai perspektif bagi menyelesaikan masalah di dalam sesuatu situasi tertentu. Manakala (Onosko & Newmann, 1994), mentakrifkan KBAT sebagai penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru khususnya pada proses pengajaran guru. Untuk itu, pengaplikasian KBAT ini memerlukan seseorang yang memahami, menterjemah, menganalisis, mentafsir dan memanipulasikan maklumat. Menurut pandangan (al-Qabisi, 1955) berfikir ialah fungsi akal yang memerhatikan tenaga supaya otak manusia dapat bekerja dan beroperasi. Untuk itu, salah satu kaedah di dalam menjana pemikiran KBAT adalah kemahiran penyelesaian masalah yang memerlukan kefahaman yang mendalam dalam kalangan guru dan pelajar (KPM, 2014).

Kepelbagaian dalam teknik penyoalan merupakan keperluan melahirkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan (Brookhart, 2012). Untuk itu pengaplikasian teknik penyelesaian masalah yang berkesan berkeupayaan mendorong dan merangsang pemikiran pelajar. Guru yang mempunyai kemahiran pengenalanpastian masalah bukan sahaja berupaya mendorong dan merangsang pemikiran pelajar malah mampu meningkatkan keyakinan diri dan pelajarnya daripada bersifat pasif atau pendiam kepada pembelajaran yang lebih aktif. (George Polya, 1957; Ashraf, 2014; Mohd Anuar, 2014).

Penguasaan proses penyelesaian masalah secara menyeluruhnya adalah salah satu pendekatan yang dibahaskan sebagai teknik pengajaran berteraskan KBAT. Pelaksanaan kaedah permasalahan di dalam PdP berkemampuan untuk merangsang daya pemikiran seseorang pelajar namun begitu proses pelaksanaannya memerlukan peneringkatan bermula dengan mengenalpasti sehingga menyemak semula (Brookhart, 2012; Muhammad Sofwan & Roslinda, 2015).

Menerusi konteks kajian ini, penganalisan penyelesaian masalah pengajaran guru ditentukan kepada tiga komponen iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran dengan setiap komponen diperincikan bagaimana elemen penyelesaian masalah dapat dilaksanakan. Seterusnya di akhir kajian, perbincangan adalah berfokuskan dapatan penyelidikan iaitu mengenal pasti sejauh manakah pelaksanaan pendekatan penyelesaian masalah yang berdasarkan KBAT dapat diaplikasi di kalangan GPI.

2.0 KAJIAN LITERATUR


Kajian ini membahagikan beberapa aspek berkaitan amalan guru bersandarkan konsep penyelesaian masalah yang mengintegrasikan KBAT.

2.1 Amalan Pengajaran Guru Bersandarkan Konsep Penyelesaian Masalah

Pembentukan amalan pengajaran ini dirumuskan berdasarkan teoritikal yang dibentuk bersandarkan kajian-kajian terdahulu dan pandangan sarjana yang dikemukakan untuk

memastikan keberkesanan kaedah penyelesaian masalah di dalam pengajaran. Untuk itu, menerusi kajian ini pembahagian kepada empat pendekatan penyelesaian masalah iaitu memahami masalah, merancang strategi, melaksanakan strategi dan menyemak semula berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu (Johari & Wai Chu Yeong, 2010) dan kerangka teori menurut (George Polya, 1957). Walaupun kebiasaannya teori George Polya diinterpretasikan di dalam mata pelajaran matematik, namun kesesuaiannya dengan konsep pendidikan Islam dinilai menerusi kajian ini.

Rajah 2.11 : Pelaksanaan penyelesaian masalah menurut (George Polya, 1957).



(Sumber : George Polya, 1983).

2.1.1 Memahami Masalah

Pengenalpastian masalah di dalam PdP mengikut teori (George Polya, 1957) adalah berdasarkan konsep berikut iaitu fahami masalah, faham bagaimana terbentuknya masalah dan apakah lingkaran bagi setiap masalah tersebut. Berdasarkan pandangan (Mohd Aderi et al, 2014) proses untuk memahami masalah ini boleh dilaksanakan menggunakan pendekatan menyoal pada peringkat awal pengajaran. Kaedah ini berupaya membantu guru untuk memberi fokus, mengenalpasti dan mendalami konteks yang menyebabkan terbentuknya permasalahan ini (Mohd Anuar, 2015).

Berdasarkan dapatan (Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010) strategi perancangan pengajaran adalah penting untuk membina dan mengukuhkan kepelbagaian pendekatan pembelajaran dengan mendatangkan konteks masalah khususnya yang berada di dalam lingkaran seharian pelajar. Namun, keberkesanannya bergantung kepada perancangan yang baik seiring dengan pembentukan objektif yang jelas, tepat dan menyeluruh.

Menerusi pandangan (al-Qabisi, 1955) memperlihatkan ketegasan dengan meletakkan kecuai kepada guru yang tidak meletakkan kewujudan masalah sebagai tugas yang utama.. Untuk amalan pengajaran yang berkesan, GPI seharusnya memilih objektif yang bersesuaian kerana tiada satu objektif yang bertepatan bagi seseorang pelajar di sebabkan beberapa faktor seperti kewujudan kepelbagaian tahap kognitif pelajar. Namun begitu, kandungan pengajaran oleh guru seharusnya menetapkan tahap kemampuan pelajar menyelesaikan masalah seiring dengan objektif yang ditetapkan (Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah, 2013)

Objektif jelas dan menyeluruh berasaskan keperluan penyoalan perlu dihasilkan dengan kemampuan pelajar untuk memahami, menyusun, menstruktur, mengaplikasi dan mensintesis idea daripada nilai masalah seperti konsep pahala dan dosa. (Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi, 2011). Guru perlu membentuk permasalahan yang memerlukan pelajar untuk mencari jalan alternatif bagi merungkaikan kekangan permasalahan tersebut Jalinan di antara perancangan dan objektif yang tepat akan menghasilkan penyelesaian pengajaran yang menarik (Muhammad Sofwan Mahmud, Roslinda Rosli, 2015).

Selain itu, pelaksanaan kefahaman mengenalpasti masalah merupakan kaedah pengajaran yang penting dan dicetuskan pada peringkat set induksi kerana pada peringkat ini guru menyampaikan ideanya kepada fikiran pelajar (Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz & Mok Soon Sang, 2011). Pengenalpastian masalah menerusi set induksi ini juga bermatlamat menimbulkan minat, menggerakkan sikap pelajar untuk fokus di dalam proses PdP dan menghasilkan pengetahuan berkaitan tajuk yang akan di sampaikan. Proses pelaksanaan ini memerlukan penelitian dalam konteks elemen yang seiring dengan konsep KBAT seperti menjana idea, menganalisis, penyelesaian masalah dan menginterpretasikan kefahaman.

2.1.2 Merancang Strategi

Setelah masalah telah dikenal pasti, proses merancang strategi adalah peringkat yang kedua mengikut teori (George Polya, 1957) Proses merancang strategi ini distrukturkan kepada empat peringkat iaitu operasi, strategi, membuat pertimbangan dan membandingkan masalah. Proses ini perlu diselarikan dengan konsep yang seiring dengan amalan KBAT

Proses merancang strategi ini merupakan komponen terpenting di dalam pengajaran yang menentukan hala tuju sama ada ianya ke arah keberkesanan penyelesaian masalah yang wujud dan seterusnya membentuk kefahaman untuk disampaikan. Menurut (Edward, 2008; Ashraf M. Zedan, 2014) pelaksanaan perancangan strategi menerusi mata pelajaran pendidikan Islam boleh diaplikasikan menerusi proses perkembangan pengajaran guru iaitu (i) penyoalan semasa pengajaran, guru perlu memberikan soalan dengan jelas dan bersesuaian dengan tahap umur

pelajar (ii) guru memberi contoh bagaimana jawapan kepada persoalan yang dapat membentuk kefahaman berkaitan tajuk yang diajar (iii) guru membina soalan yang dapat mengaitkan jawapan yang akan diberikan menerusi amalan kehidupan pelajar tersebut.

Pembentukan proses merancang strategi ini perlu diasaskan pada peringkat awal pengajaran, diperkukuhkan proses penyelesaian semasa peringkat perkembangan pengajaran dan diteruskan penilaian keberkesanaan perkara dalam penyelesaian masalah semasa pelaksanaan penutup pengajaran. Proses yang dilaksanakan ini seharusnya menetapkan konsep KBAT dalam semua kerangka perancangan strategi ini

2.1.3 Melaksanakan Strategi

Proses melaksanakan strategi berdasarkan teori (George Polya, 1957) yang membahagikan kepada dua elemen iaitu mengetahui strategi dan penyelesaian yang dicadangkan perlu jelas, tepat dan menyeluruh. Proses pelaksanaan ini perlu diselarikan dengan konsep mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Pada peringkat pelaksanaan ini juga, pendekatan penyoalan di antara proses yang dapat membantu pelajar berfikir secara kritis dengan memberi fokus secara eksplisit terhadap proses pelaksanaan. Penyelesaian yang jelas, teratur dan menyeluruh memerlukan pelajar menggunakan proses pemikiran sepenuhnya dan meneliti proses tersebut berasaskan keseluruhan kandungan pengajaran yang telah disampaikan (Robert Glaser, 1983; Zamri Mahmod et al, 2015). Pelaksanaan strategi yang berkesan adalah berfokuskan fikrah dan teratur di dalam kelas berupaya mencapai matlamat akhir pengajaran dan pembelajaran (PdP). Secara keseluruhannya, pelaksanaan strategi ini perlu disepadukan dengan amalan inkuiri berasaskan penghasilan pembelajaran secara aktif dan berpusatkan pelajar. Oleh itu pelaksanaan strategi yang berkesan akan membantu pelajar membina pengetahuan, membentuk kemahiran menyelesaikan masalah dan meningkatkan ingatan pengetahuan di dalam jangka masa panjang.

2.1.4 Menyemak Semula

George Polya menyatakan keperluan untuk memperuntukkan masa untuk menyemak jawapan dan membuat refleksi. Ini bertujuan untuk mengukuhkan keyakinan dan memantapkan pengalaman untuk mencuba masalah baru yang datang. Pendekatan Model Polya bagi peringkat menyemak semula ini diklasifikasikan kepada tiga iaitu refleksi, mengukuhkan keyakinan dan memastikan dilaksanakan. Model peringkat ke empat ini adalah pelaksanaan yang terakhir dan merupakan penentuan sama ada masalah yang wujud dan dapat diselesaikan. Ini dapat dilaksanakan menerusi aktiviti koperatif, berorientasikan masalah dari inkuiri yang kesemuanya ini menjuruskan kepada kerangka penyelesaian yang dapat di atasi.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dilaksanakan secara kaedah kajian kes. Kaedah ini dipilih berdasarkan kepada kefahaman dapatan kajian yang diperolehi akan lebih jelas dan tepat bersandarkan proses pengaplikasian pendekatan penyelesaian masalah di dalam kelas (Yin, 2003). Untuk memperolehi maklumat secara terus dari peserta kajian, penentuan kajian lapangan menggunakan teknik analisis pemerhatian dan temu bual dilaksanakan. Teknik pemerhatian yang digunakan adalah untuk mendapat maklumat secara mendalam berkaitan dengan tempat kajian, aktiviti dan ahli di tempat kajian serta makna kepada perkara yang diperhatikan dari perspektif peserta kajian (Patton, 1990; Johnson & Christensen, 2000). Pengkaji tidak akan melibatkan secara sepenuhnya di dalam semua aktiviti di dalam kelas supaya mendapat gambaran yang sebenar. Hal ini juga penting agar guru peserta kajian tidak terganggu dari segi profesionalisme dan amalan pengajaran sebagai seorang guru (Marohaini, 2004).

Data yang diperolehi semasa pemerhatian diperkukuhkan melalui temu bual. D daripada temu bual, segala maklumat yang kurang jelas dan sukar didapati akan diperolehi. Ini kerana soalan yang dikemukakan semasa temu bual ialah soalan susulan untuk mencungkil penjelasan lanjut daripada peserta kajian tentang perlakuan yang ditunjukkan. Selain itu melalui temu bual pengkaji akan mendapat gambaran yang lebih mendalam tentang apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan peserta kajian. Ini jelas kerana menurut (Patton, 1990; Yin, 2003), temu bual kualitatif membenarkan pengkaji untuk mencungkil maklumat secara mendalam dari peserta kajian dan untuk memperolehi kefahaman mengenai sesuatu perkara dari sudut perspektif peserta kajian.

Dua orang peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang ketat. Justifikasi kriteria yang ditetapkan ialah pengalaman mengajar subjek pendidikan Islam melebihi sepuluh tahun bersandarkan beberapa kajian lepas yang mempunyai kesamaan dari aspek konsep dengan kajian ini. Selain itu, penetapan guru di pilih adalah terdiri daripada guru yang mengajar sepenuhnya mata pelajaran pendidikan Islam. Bagi justifikasi kenapa peserta-peserta ini dipilih adalah berdasarkan kepada kemampuan peserta untuk membekalkan maklumat yang diperlukan dan disyorkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia disebabkan keterlibatan sebagai guru sumber pendidikan Islam.

Bagi proses penganalisan data, data telah dianalisis melalui dua peringkat iaitu semasa kajian lapangan dan analisis kandungan selepas selesai kajian lapangan. Seterusnya proses penganalisan data menerusi pemerhatian dan temu bual dilaksanakan menggunakan *Atlas Ti* versi 8, di sini pengkaji dapat menentukan domain, tema, subtema. Kesemua tema ini menunjukkan konsisten di antara setiap peserta dan ditetapkan sebagai interpretasi data yang merupakan dapatan bagi kajian ini (Creswell, 2012).

Bagi penentuan kesahan dan kebolehpercayaan, pendekatan triangulasi antara setiap unit digunakan di dalam penyimpulan dan pengumpulan data melibatkan sembilan kali pemerhatian dan temu bual, pengesahan peserta kajian, nota lapangan dan memo serta etika kerja. Dapatan kajian ini bersifat komprehensif, holistik dan deskriptif (Othman, 2007; Creswell, 2012) tetapi ia

tidak boleh digeneralisasikan kepada konteks, peserta dan tempat kajian yang lain disebabkan pendekatan kualitatif yang digunakan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dibentangkan ialah data yang diperolehi daripada kajian kes dua orang guru peserta kajian dan dibentangkan mengikut setiap peserta kajian iaitu Guru X (peserta kajian 1) dan Guru Y (peserta kajian 2). Analisis dapatan kajian tidak membandingkan antara Guru X dan Guru Y tetapi menggabungkan kedua-dua analisis data untuk memperkayakan kefahaman atas tujuan memahami fenomena kajian dengan lebih mendalam. Latar belakang guru peserta kajian dibincangkan terlebih dahulu sebelum membuat pembentangan analisis data dan perbincangan berkaitan pendekatan penyelesaian masalah yang diaplikasikan dalam PdP.

4.1 Latar Belakang Guru

Guru X berkelulusan Sarjana Muda Syariah, mendapat pendidikan iktisas Diploma pendidikan dari Institut Pendidikan Guru Pulau Pinang dan mempunyai pengalaman mengajar pendidikan Islam selama tiga belas tahun. Guru X pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Panitia Pendidikan Islam selama tiga tahun disekolah tempat beliau bertugas. Manakala Guru Y merupakan salah seorang Guru Cemerlang dan pernah menyandang jawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah tempat beliau bertugas. Guru Y berkelulusan Sarjana Kurikulum dan Pengajaran, mendapat pendidikan iktisas dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan mempunyai pengalaman mengajar subjek Pendidikan Islam selama dua belas tahun. Subjek Pendidikan Islam merupakan opsyen semasa mengikuti Diploma Pendidikan bagi kedua-dua guru ini.

4.2 Memahami Masalah

Pada peringkat memahami masalah, kedua-dua guru menggunakan kaedah penyoalan pada peringkat pengetahuan untuk mencungkil masalah. Guru X mengemukakan beberapa soalan berkaitan pembelajaran lepas dengan tujuan meminta pelajar memperlihatkan apa yang telah dipelajari dan perbezaan dengan apa yang telah ditetapkan dalam sukatan. Namun bagi guru Y agak aktif menyoal pelajar proses pengenalanpastian konteks sesuatu masalah dan adakalanya memanggil nama pelajar untuk memperhalusi tahap pengetahuan mereka.

Guru Y juga lebih gemar menyelitkan aktiviti di awal pengajaran semasa pelaksanaan set induksi untuk memahami konteks masalah secara umum. Setiap siri masalah dihasilkan menerusi pengetahuan, pengalaman dan kefahaman berdasarkan fakta ringkas berkaitan konsep dan isi pelajaran lepas. Semasa pemerhatian dilaksanakan, ada ketikanya Guru Y cuba menghubungkan objektif yang ditetapkan dengan tahap keupayaan pelajar dan apakah masalah yang dapat dikenalpasti. Masalah yang dikemukakan ditetapkan secara berstruktur sehingga ada dikalangan pelajar berupaya menyebut permasalahan tersebut. Sebagai contoh, semasa pengajaran tajuk

keimanan kepada Allah, guru B akan menggunakan rajah yang ditampal di papan putih dan meminta pelajar menyelesaikannya,

“Apa matlamat kamu belajar di tahun lima ini?”, “ini apa kaitan kewujudan alam dengan beriman kepada Allah?”, “cuba kamu lihat di luar kelas?”, “apa yang kamu nampak?”, ini apa?”, “selain pokok-pokok yang nampak ni, apa lagi yang kamu nampak berkaitan ciptaan Allah? jadi bagaimana kamu nak menggalakkan orang ramai untuk patuh kepada syariat Allah swt?”

Bagi proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian, guru X dan guru Y didapati menulis di dalam buku rancangan pengajaran harian (RPH) berdasarkan analisis dokumen yang dilaksanakan. Keseluruhan proses ini diteliti bersumberkan kepada sukatan yang telah ditetapkan oleh bahagian pembangunan kurikulum (KPM). Ini menyebabkan setiap guru mesti menetapkan objektif dan memperlihatkan kewujudan masalah di sepanjang proses PdP ini dijalankan. Keseluruhan dapatan memahami masalah ini dijelaskan menerusi jadual 4.1

Jadual 4.1 : Tema memahami masalah

Memahami masalah berdasarkan konsep KBAT		Kekerapan	
Tema dan Kod	Sub Tema dan Kod	PK01	PK02
Memahami, mengenal pasti dan memastikan permasalahan yang wujud	Pengenalpastian masalah dimulakan menggunakan penyoalan pada aras yang rendah	/	/
	Proses kefahaman masalah dilaksanakan secara berperingkat daripada yang mudah sehingga kepada yang sukar	/	/
	Permasalahan yang dilaksanakan berdasarkan sukatan KBAT yang ditetapkan oleh KPM	/	/
	Aktiviti digunakan untuk membentuk gambaran awal isi kandungan yang akan di ajar dan adakah wujud asas permasalahan		/

4.3 Merancang Strategi

Semasa peringkat merancang strategi pengajaran, kedua-dua guru aktif mengemukakan perancangan penyelesaian menerusi struktur yang ditetapkan. Guru X menjelaskan

Mula-mula saya suruh pelajar faham dulu dan ada pengetahuan tentang tajuk. Lepas tu bila dah faham, cuba buat aplikasi. Saya nak pelajar faham ikut tahap mudah ketahap susah”. Dari situ apabila ada masalah, senang sikit nak menyelesaikannya.

Guru Y juga menyatakan

Tengok, kalau misalnya pengenalan bagi aras pengetahuan dulu. Kalau pertengahan aras tinggi, ikut tajuk. Kalau kemahiran dalam pendidikan Islam selalu bagi aras kefahaman dan aplikasi la. Kalau bagi tafsir peta minda, gambar dan gambarajah dalam bentuk masalah dan mintak pelajar selesaikan. Ini dah boleh capai aras sintesis, menganalisis dan mencipta.

Adakalanya bentuk permasalahan untuk diselesaikan bersifat latih tubi sehingga membentuk dialog antara guru dan pelajar. Hal ini terjadi apabila kedua-dua guru berinteraksi dengan pelajar secara kerap di pertengahan proses pengajaran dan pembelajaran. Adakalanya, masalah yang timbul lebih tertumpu kepada pelajar yang dapat memberi respon dengan tepat. Malahan interaksi lisan di dalam fasa pertengahan dijadikan medium untuk menyampaikan isi dan konsep pelajaran. Kedua-dua guru menggunakan kaedah meneliti masalah secara menggunakan peta minda bagi menyokong aktiviti pengajaran. Umpamanya Guru Y, semasa mengajar tajuk “*Beriman kepada Allah*”, beliau memulakan dengan menggunakan aktiviti yang berfokuskan masalah.

Apakah maksud beriman kepada Allah? Apakah dalil kewujudan Allah?”. Guru Y pula semasa mengajar tajuk beriman kepada Allah menggunakan penyoalan untuk memperkenalkan konsep keimanan kepada Allah “Setiap hari kita dikehendaki solat, jadi kenapa kita perlu solat? berapa ramai daripada kamu semua yang dapat bersolat cukup lima waktu pada semalam?

Kebiasaan bentuk penyelesaian masalah ini menjadi pendahulu untuk mendapatkan maklumat status pembelajaran semasa pelajar. Apabila pelajar berjaya menyelesaikannya, dapatan memperlihatkan kedua-dua guru mula menaikkan aktiviti penyelesaian masalah kepada peringkat yang lebih tinggi. Aktiviti berbentuk aras rendah, sederhana dan tinggi dikemukakan berselang-seli. Guru X mencampurkan aktiviti aras rendah, sederhana dan aras tinggi dalam satu siri pengajaran dan menetapkan untuk pelajar menghubungkan ciri fizikal dengan konsep keimanan kepada Allah

.Apa dia ciri fizikal kejadian bumi?”, “Apa dia ciri fizikal bumi, ada apa kaitan fizikal bumi dengan tanda kekuasaan Allah?, Bagaimana kita sebagai manusia perlu mentaati perintah Allah?”.

Menerusi sesi pengajaran yang lain, Guru Y merancang aktiviti yang dijalankan berdasarkan isu dalam konteks aras tinggi dan aras rendah secara. Ini dilaksanakan dengan menghubungkan konsep beriman kepada Allah dengan tanda kekuasaan Allah.

Cuba fikir, ada tak pokok dan tumbuhan di kawasan kamu?” bukti kejadian alam ini menandakan kekuasaan Allah dan keperluan yang perlu dilakukan sebagai tanda kita beriman kepada Allah

Selain itu, guru Y juga meminta pelajar untuk menjelaskan maksud keimanan kepada Allah menerusi permasalahan yang ditimbulkan”,

Imam macam mana diperlihatkan?”, “tukar kepada amalan seharian?”, “apa tanda seseorang itu telah beriman kepada Allah?”, “tengok kawasan alam, mesti ada yang menciptanya?”, amalan apa yang perlu dijalankan sebagai memahami konsep keimanan kepada Allah?”.

Pada sesi pengajaran lain, Guru X merancang untuk mempelbagaikan aktiviti secara berselang-seli dan meminta pelajar memikirkan dan menghubungkan ciri alam ini dengan keperluan manusia untuk menghayati penciptaan Allah ini sepenuhnya. Tujuan dilakukan pendekatan ini bagi mengelakkan pelajar terkeliru seterusnya tidak memahami isi kandungan pengajaran yang disampaikan.

Apa yang menarik diperingkat ini aktiviti yang digunakan oleh kedua-dua guru adalah untuk menetapkan strategi secara *seatwork* dan latihan. Ini diperolehi menerusi Guru X yang mengemukakan penerangan secara aplikasi bagi aktiviti latihan mengukur kecenderungan pelajar dan sebagai panduan sehingga pelajar berupaya menyelesaikan masalah yang terlibat. Berdasarkan gambarajah yang dilukis di papan putih beliau menerangkan,

Hubungan setiap rukun Iman dapat diwujudkan apabila kita dapat menyatakan kefahaman mengenai rukun iman kepada Allah dan balasan yang akan diperolehi bagi orang yang beriman kepada Allah.

Selain itu guru X, memberi panduan pendekatan penyelesaian masalah secara berstruktur, sebagai contoh aktiviti berkaitan rukun iman dan seterusnya bertanya,

ha, tengok sini kaitan di antara setiap rukun iman tersebut” kalau susah nak faham asas akidah atau ada apa masalah, teliti kandungan rukun iman, ini dapat menyelesaikan masalah dan seterusnya menghasilkan penghayatan agama.

Keseluruhannya, pelaksanaan peringkat merancang strategi untuk menyelesaikan masalah yang berteraskan KBAT ini dapat memandu pelajar untuk lebih berfikiran terbuka, mempelbagaikan idea dan membentuk perwatakan yang lebih bersifat penghayatan. Dapatan adalah seperti di dalam jadual 4.

Jadual 4.2 : Tema amalan merancang strategi

Amalan perancangan strategi berdasarkan KBAT		Kekerapan	
Tema dan Kod	Sub Tema dan Kod	PK01	PK02
Membuat perbandingan, mengenalpasti masalah dan menghasilkan strategi	Perancangan strategi dilaksanakan secara berstruktur	/	/
	Strategi penyoalan dilaksanakan bersifat penyelesaian masalah berkaitan amalan seharian yang dilakukan oleh pelajar		/
	Strategi masalah adalah berfokuskan untuk pelajar berfikir dalam memberikan penyelesaian	/	/
	Pemeringkatan pelaksanaan daripada yang mudah kepada yang sukar	/	

4.4 Melaksanakan Strategi

Pada pelaksanaan strategi, Guru Y hanya mengemukakan soalan. Beliau sekadar bertanyakan bagaimana asas penyelesaian masalah dapat dilaksanakan. Ini memerlukan pelajar memahami dan menterjemahkan jawapan berbentuk ya serta tidak. Manakala guru X masih aktif mempelbagaikan aktiviti sebagaimana yang dirancang sehingga pelajar membuat rumusan isi dan konsep pelajaran yang telah mereka pelajari. Beliau mengemukakan penyelesaian dengan meminta pelajar membuat penilaian terhadap isu berkaitan isi dan konsep pelajaran yang telah diajar. Umpamanya dengan menggunakan peta minda,

“Penyelesaian kepada manusia yang tidak mensyukuri dan beriman dengan sepenuhnya kepada Allah memerlukan semua manusia mengetahui kepentingan beriman ini kepada Allah” Ini dapat dilihat menerusi rajah yang disediakan”

Keseluruhan dapatan tema melaksanakan strategi ini dijelaskan menerusi jadual 4.3

Jadual 4.3 : Tema amalan melaksanakan strategi

Amalan melaksanakan strategi berdasarkan KBAT		Kekerapan	
Tema dan Kod	Sub Tema dan Kod	PK01	PK02
Ketahui strategi dan penyelesaian masalah yang jelas, tepat serta menyeluruh	Pelaksanaan strategi dilaksanakan berdasarkan konteks situasi semasa	/	
	Strategi dilaksanakan untuk menilai pencapaian pelajar		/
	Isi kandungan pelaksanaan strategi berfokuskan untuk pelajar berfikir bagi merumuskan isi pengajaran	/	/
	Kepelbagaian tahap tingkatan aktiviti daripada yang mudah kepada yang sukar	/	/

4.4 Menyemak Semula

Pada peringkat penyemakan semula pelaksanaan strategi penyelesaian masalah, Guru X telah menggunakan aspek penerangan dan penyoalan kepada pelajar. Beliau menggunakan senarai semak dan menerangkan prosedur sama ada pelajar melaksanakan penyelesaian masalah yang telah dikenalpasti. Manakala guru Y menggunakan penilaian bersifat lisan dan sendiri masalah yang telah dikemukakan iaitu guru memerhatikan tindakan pelajar atau menyoal kefahaman pelajar. Beliau juga meminta penyelesaian dengan pelajar membuat penilaian terhadap isu berkaitan isi, kandungan dan konsep pelajaran yang telah diajar. Seperti menggunakan peta i-Think,

“Penilaian kepada manusia yang tidak melaksanakan ibadah dengan kepada Allah memerlukan pengetahuan sepatutnya. Isu ini tidak boleh dilihat hanya dari aspek luaran sahaja”. Tatatcara prosedur dapat dilihat menerusi rajah yang disediakan”

Keseluruhan dapatan tema menyemak semula ini dijelaskan menerusi jadual 4.3

Jadual 4.3 : Tema amalan melaksanakan strategi

Amalan melaksanakan strategi berdasarkan KBAT		Kekerapan	
Tema dan Kod	Sub Tema dan Kod	PK01	PK02
Ketahui strategi dan penyelesaian masalah yang jelas, tepat serta menyeluruh	Pelaksanaan strategi dilaksanakan berdasarkan konteks situasi semasa	/	
	Strategi dilaksanakan untuk menilai pencapaian pelajar		/
	Isi kandungan pelaksanaan strategi berfokuskan untuk pelajar berfikir bagi merumuskan isi pengajaran	/	/
	Kepelbagaian tahap tingkatan aktiviti daripada yang mudah kepada yang sukar	/	/

5.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, kedua-dua guru memperlihatkan kewujudan proses penyelesaian masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna kedua-dua guru mengaplikasikan pendekatan yang telah disarankan oleh (George Polya, 1957) bagi menjadikan proses pengajaran mereka lebih menarik dan mampu meningkatkan pembelajaran pelajar (Ab Halim, 2011; Zamri Mahmud et al, 2015). Namun beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan agar pendekatan yang digunakan dapat membentuk PdP yang berfokuskan asas penyelesaian masalah. Amalan penyelesaian masalah di kalangan kedua-dua guru yang menggunakan soalan lisan memperlihatkan corak tertentu iaitu aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi. Ini kerana kaedah penyoalan merupakan langkah yang berkesan bagi mencungkil permasalahan yang berlaku secara jelas dan mudah. Maka ini memudahkan proses penyelesaian dapat dilaksanakan oleh guru (Brookhart, 2012; Ashraf, 2014).

Begitu juga pada peringkat perancangan dan pelaksanaan strategi yang digunakan oleh kedua-dua guru berasaskan status kefahaman pelajar terhadap konsep dan isi pelajaran yang diajar kepada pelajar. Selain itu guru juga mengaitkan konsep dan isi pelajaran lepas dengan untuk meneliti permasalahan dan bagaimana proses penyelesaian dilaksanakan agar wujud perkaitan. Pendekatan untuk memahami konteks masalah dikemukakan semasa guru menyampaikan konsep isi pelajaran dengan matlamat untuk mendapatkan maklumat kefahaman pelajar agar guru boleh mengubahsuai pengajaran mengikut keperluan pelajar.

Proses penyelesaian masalah berfokuskan kejelasan untuk mendapat maklumat tentang status pembelajaran dan bagaimana tindakan yang di ambil. Strategi penyelesaian ini dikemukakan bagi memastikan pelajar dapat menguasai konsep dan isi pelajaran sehingga membolehkan mereka mengaplikasikannya di dalam situasi berlainan. Pembentukan jalinan

penyelesaian ini memastikan asas penghayatan dapat dibentuk khususnya pada akhir pengajaran. Ini seperti tajuk keimanan kepada Allah, guru menstrukturkan pelaksanaan strategi dengan memulakan permasalahan dengan menyatakan konsep beriman, justifikasi kenapa perlu beriman dan bagaimana kesan sekiranya iman tidak dijadikan panduan yang kukuh.

Kajian ini memperlihatkan terdapat pola di kalangan guru untuk mendapatkan maklumat terhadap keupayaan pelajar di dalam membuat perkaitan di antara konsep dan isi pelajaran. Umpamanya dalam subtopik hubungan Qada' dan Qadar dengan perlakuan manusia, kedua-dua guru mengabungkan konsep keimanan berkaitan Qada dan Qadar dan perlakuan manusia. Kedua-dua guru mengalakkan pelajar di dalam kelas untuk berfikir dan aktif dalam mendepani masalah yang wujud (Mohd Anuar et al, 2014; Mohd Aderi et al, 2014). Ini memandangkan masalah yang wujud memerlukan penilaian dari semua aspek, sama ada kurikulum, pedagogi atau pentaksiran untuk mendapat maklumat. Keadaan ini juga bergantung kepada keupayaan pelajar menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan konsep dan isi pelajaran menerusi peta minda, carta, graf, rajah dan gambarajah.

Walau bagaimana pun, terdapat kekangan dalam kalangan guru iaitu terdapat kepelbagaian aras dikalangan pelajar namun di dapati kedua-dua guru hanya berfokuskan kepada pelajar yang berada dalam aras sederhana dan aras tinggi. Bagi pelajar yang berada pada aras rendah, majoritinya tidak dapat mengikutinya dan memerlukan jawapan yang diberikan oleh guru ringkas sekiranya berkaitan fakta manakala jawapan yang lebih terperinci sekiranya berbentuk penjelasan. Selain itu, kepelbagaian teknik dan pendekatan yang terbuka menyebabkan kedua-dua guru tidak berupaya menyesuaikan berdasarkan keadaan persekitaran fizikal, konsep dan budaya setempat. Pelajar pada abad ke 21 merupakan generasi yang bijak menggunakan persekitaran fizikal, konsep dan budaya setempat untuk berfikir pada aras tinggi menerusi perkaitan di antara teori dan praktikal

Ini kerana penyelesaian memerlukan analisis bersifat yang memerlukan pelajar untuk berfikir, membuat perkaitan secara kritikal, mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai. Ini diperhatikan oleh guru X yang menggunakan aras tinggi dengan suara lebih lantang dan tegas dan apabila menerima respon daripada pelajar sama ada jawapan salah atau betul, beliau bertindak memberikan maklum balas berkaitan yang dilontarkan.

Guru Y juga bertindak sedemikian, namun beliau memberikan beberapa maklumat tambahan untuk pelajar memikirkan jawapan yang tepat. Kedua-dua guru juga menggunakan bahan bantu mengajar terutama gambar rajah yang dilukis di atas papan putih untuk membantu mengemukakan kaedah penyelesaian secara lebih berkesan. Malahan bagi subtopik tertentu guru menggunakan bahan bantu mengajar seperti kad imbasan, carta dan tayangan gambar untuk membantu melancarkan lagi aktiviti ini.

Secara keseluruhannya, pengaplikasian kaedah penyelesaian masalah mengintegrasikan konsep KBAT di kalangan guru sememangnya wujud, cuma ia tidak distrukturkan di dalam keadaan yang tersusun seperti yang disarankan oleh (George Polya, 1957). Keperluan untuk penambahbaikan dari aspek pengetahuan dan kemahiran guru yang mengandungi elemen KBAT juga perlu digiatkan menerusi kursus-kursus dan latihan dalam perkhidmatan. Menerusi kajian

ini juga menunjukkan pendekatan (George Polya, 1957) yang dilakukan oleh guru lebih memudahkan kefahaman pelajar berkaitan dengan sesuatu tajuk. Untuk itu, kajian ini menghasilkan suatu kerangka panduan penyelesaian masalah bagi memastikan proses PdP yang dilaksanakan berada dalam lingkaran kefahaman, penghayatan dan pengamalan setiap isi kandungan

6.0 RUMUSAN

Keseluruhan kajian ini menggambarkan sememangnya terdapat amalan KBAT di dalam pendekatan penyelesaian masalah di dalam amalan pengajaran GPI. Kepelbagaian pendekatan penyelesaian ini disertakan dengan kandungannya yang menepati aras pemikiran tahap tinggi yang mampu mencetuskan elemen pemikiran dan cetusan yang berstruktur serta berkualiti. Untuk itu, penggunaan penyelesaian ini berupaya memperdalamkan kefahaman pelajar dan mengupayakan pelajar untuk memahami seterusnya mengaplikasikannya di dalam kehidupan seharian.

7.0 RUJUKAN.

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufasssalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin*. Kaherah ;Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Ashraf M.Zedan. (2015). *An innovative Teaching Method in Islamic Studies: the Use of PowerPoint in University of Malaya as Case Study*. Procedia - Social and Behavioral Sciences 182, 543 – 549
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2010). *Pendidikan di Malaysia*. Putrajaya ; Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Brookhart, S. M. (2012). Expending Views About Formative Classroom Assessment: A Review of the Literature, dalam McMillan J. H (eds). *Formative Classroom Assessment: Theory into Practice*. New York. Teachers College Press. 43–62..
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research : Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Boston; Pearson Education In..
- Edward de Bono (2008) *Frames For Thinking About Information*. Thinking In Teachers And Students: Diverse Perspectives. Forth Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- George Polya. (1957). *How to Solve It*. Garden City, New York: Doubleday.

- Johnson & Christensen, & Johnson, R. B., & Christensen, L. B. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Marohaini, (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman Kerja Kajian Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Anuar Mamat. (2014). *Teknik Soal-Jawab Dalam Pengajaran Imam Abu Hanifah (M.150H/767M): Suatu Analisis Terhadap Kitab AL- 'ALIM WA AL-MUTA 'ALLIM*
The Online Journal Of Islamic Education Special Issue.
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Fuad Othman, Maimun Aqsha Lubis. (2014). *Pengajaran Berkesan Berasaskan Kaedah Kontekstual Dalam Pendidikan Islam*. Prosiding. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10).
- Muhammad Sofwan Mahmud, Roslinda Rosli. (2015). *Penyoalan Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Kajian Kes Dua Orang Guru Sekolah Rendah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5.
- Onosko, J. J, & Newmann, F. M. (1994). *Creating More Thoughtful Learning Environment*. in Mangieri, J. & Blocks, C. C. (Eds.). *Creating Powerful*.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, (1990). *Qualitative evaluation and research method*. Thousand, Osaka, CA: Sage.
- Robert Glaser. (1983). *Cognitive and motivational aspects of instruction: selected International Congress papers*. Amsterdam: Elsevier.
- Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz & Mok Soon Sang. (2011). *Kemahiran berfikir*. Puchong, Selangor ; Penerbitan Multimedia.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). *Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia Yang Penyayang*. Journal Of Language Studies 13(1): 139-154.
- Yin, R. K. 2003. *Case Study Research: Design and Methods*. 3rd ed. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Zamri Mahmod, Umi Nadiha Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2015). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Prosiding ASEAN Comparative Education Research Conference.